



**IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya,  
**30020 IPOH**  
PERAK DARUL RIDZUAN



☎ 605-5297444  
🌐 <http://www.bomba.gov.my>  
✉ [pro\\_prk@bomba.gov.my](mailto:pro_prk@bomba.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN BOMBA JUNIOR JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

**TELUK INTAN, 14 JUN 2024** – YB Tuan Nga Kor Ming (YBKM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bomba Junior, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diadakan di SJK (C) San Min No.1 dan No.2 pagi ini.

Pasukan Pakaian Seragam yang dikenali sebagai Bomba Junior ini telah ditubuhkan pada 16 Januari 2024 setelah mendapat persetujuan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan dijadikan salah satu program kokurikulum bagi sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia.

Penubuhan pasukan ini adalah bertujuan bagi menghayati dan mengamalkan ilmu kebombaanan, memupuk budaya keselamatan, kesedaran bahaya kebakaran dan langkah-langkah pencegahan di peringkat awal dengan Visi menjadi pasukan beruniform yang berprestasi tinggi di peringkat sekolah dan Misi menerapkan nilai-nilai kebombaanan dalam kalangan pelajar untuk membudayakan suasana persekitaran yang selamat.

Hadir sama dalam majlis ini adalah YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Encik Ithnin bin Mahadi, Timbalan Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelbagai pengisian telah disusun sepanjang majlis pada hari ini antaranya pertandingan mewarna, pertandingan kebombaanan, kempen dan pameran kebombaanan dan juga pertunjukan kebombaanan.

**'CEPAT DAN MESRA'**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

Dalam majlis tersebut, sebanyak lima (5) buah sekolah menjadi perintis kepada penubuhan Bomba Junior iaitu SK Simpang Empat, Hutan Melintang, SK Dato' Sagor, Kampong Gajah, SJK (C) San Min No.1, SJK (C) San Min No.2 dan SJK (T) Tapah, Tapah.

Kemuncak atur cara ialah gimik pelancaran dengan menggunakan pisau RT3 yang ditusuk ke kotak perasmian oleh YBKM. Majlis pelancaran dilengkapi dengan acara menyangkut berey kepada lima (5) orang wakil daripada pasukan Bomba Junior.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan pertunjukan kebombaanan Bomba Junior yang terdiri daripada dua (2) orang guru dan seramai dua belas (12) orang murid sekolah rendah dan tadika yang terdiri daripada murid Bomba Junior, murid Kelab Bomba Cilik, dan murid berkeperluan Pendidikan Khas (Pendengaran).

**Disediakan oleh;**

**Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak**

**14 JUN 2024**